

Pendaftaran Permohonan Lesen Baharu PPG

<https://ideal.kpkt.gov.my>



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN KERAJAAN TEMPATAN BAHAGIAN KAWALAN KREDIT KOMUNITI

SENARAI SEMAK PERMOHONAN LESEN BAHARU PEMEGANG PAJAK GADAI DI BAWAH AKTA PEMEGANG PAJAK GADAI 1972 [AKTA 81]

Bil.	Butiran	Semakan
1.	<p>Borang Permohonan</p> <p>Permohonan Lesen Baharu Pemegang Pajak Gadai (PPG) perlu dibuat secara atas talian melalui Sistem iDEAL di alamat https://ideal.kpkt.gov.my</p>	
2.	<p>Dokumen Permohonan Lesen Baharu Pemegang Pajak Gadai</p> <p>Sila lampirkan dokumen seperti berikut semasa mengemukakan permohonan:</p> <p>2.1 Dokumen e-Info SSM (<i>Corporate Information</i>) terkini yang menunjukkan pembuktian status syarikat Sendirian Berhad (Sdn. Bhd) atau Berhad dengan modal berbayar syarikat seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none">i. Modal Berbayar sebanyak RM 4 juta; atauii. Modal Berbayar sekurang-kurangnya RM 100 ribu berserta salinan penyata bank yang menunjukkan baki akhir akaun sebanyak minima RM 4 juta. <p>2.2 Jadual D, Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 (Akuan Berkanun) bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.</p> <p>2.3 Salinan Kad Pengenalan/Pasport bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.</p> <p>2.4 Salinan keputusan carian kebangkrapan (Insolvensi) bagi setiap Pengarah/Pengurus syarikat yang didaftarkan SSM.</p> <p>2.5 <i>Criminal Clearance & Bankruptcy Report</i> yang terkini dari negara asal pemohon. (Jika pengarah/pengurus bukan warganegara Malaysia).</p>	
3.	<p>Ujian Rakaman Cap Jari</p> <p>Setiap pemohon (warganegara dan bukan warganegara) perlu menjalani rakaman cap jari PDRM di Pusat Pendaftaran Penjenayah Malaysia dan Singapura, Bukit Aman, Kuala Lumpur. Hanya pemohon yang LULUS tapisan cap jari sahaja akan dipertimbangkan untuk kelulusan permohonan lesen baharu oleh Pendaftar Pemegang Pajak Gadai.</p> <p>KPKT akan mengeluarkan surat arahan menjalani proses rakaman cap jari kepada pemohon setelah permohonan lengkap diterima.</p>	

Bil.	Butiran	Semakan
4.	<p>Nota:</p> <p>Sila ambil maklum bahawa permohonan TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN sekiranya:</p> <p>4.1 Pemohon mengemukakan permohonan bagi membuka cawangan;</p> <p>4.2 Pemohon mempunyai lesen Pemberi Pinjam Wang di bawah Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 [Akta 400]; dan</p> <p>4.3 Pemohon mengemukakan permohonan untuk beroperasi di negeri Kelantan serta di dalam kawasan pentadbiran Majlis Daerah Besut, Terengganu.</p>	